

Orang ramai diminta waspada kehadiran ubur-ubur api

BT 13/1/25 Pg 18

Marang: Orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati kehadiran ratusan ubur-ubur api atau *Portuguese Man of War* yang kini terdampar di Pantai Rhu Muda, di sini.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Sekitaran Marin Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Roswati Md Amin, berkata spesies yang diklasifikasikan di bawah kumpulan 'hydrozoan' marin itu mudah dikenali dengan warna kebiruan lutsinar.

Pakar bidang Plankton Ekofisiologi itu berkata, hidupan berkenaan mempunyai sel penyengat berbisa yang terletak di bahagian tentakel, berfungsi untuk menangkap mangsa sebagai mekanisme pertahanannya.

Justeru, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak menyentuh hidupan beracun itu termasuk yang sudah mati kerana boleh memberi kesan berbahaya.

"Kewujudan hidupan ini banyak direkodkan di lautan Pa-

Mohd Kamaruzaman menunjukkan ubur-ubur api yang terdampar di pantai Kampung Rhu Muda.
(Foto BERNAMA)



sifik, India dan Atlantik.

Bagaimanapun, pada November tahun lalu, kita dapat spesies ini ada naik di pantai sekitar UMT di Kuala Nerus.

"Hidupan bersifat koloni ini tidak boleh berenang dan bergerak menggunakan polip pelampung yang bersaiz antara dua hingga 10 sentimeter di bahagian atas yang berfungsi untuk pergerakan atau menangkap makanan.

"Spesies itu juga bergerak mengikut pergerakan arus dan tiupan angin. Kajian menunjukkan kekuatan dan arah tiupan angin mempengaruhi damparan hidupan ini di pesisir pantai. Angin kuat musim Monsun Timur Laut (MTL) ketika ini antara penyebab damparan hidupan itu," katanya.

Sehubungan itu, Roswati menyarankan agar pihak berkuasa memantau kehadiran hidupan ini di lokasi pantai yang menjadi tumpuan pengunjung untuk memastikan keselamatan orang ramai terutama kanak-kanak

yang mudah teruja dengan penemuan hidupan laut yang unik.

"Saya juga nasihatkan neelayan supaya lebih berhati-hati kerana ubur-ubur ini mudah tersangkut pada pukat," katanya.

Sementara itu, penduduk di Kampung Baru Rhu Muda, Mohd Kamaruzaman Sulong, 48, berkata dia menyedari kehadiran hidupan itu pada malam kelmarin, ketika berada di dapur rumahnya.

Kedudukan rumahnya yang sangat dekat dengan pantai membolehkan dia melihat dengan jelas ratusan hidupan berkenaan terapung-apung di laut.

"Ini kali pertama saya lihat ubur-ubur itu di Pantai Rhu Muda. Tetapi saya kenal dan tahu kewujudan ubur-ubur ini kerana pernah jumpa ketika menangkap ikan di laut."

"Semalam (kelmarin) ombak kuat dan air pasang, mungkin itu punca hidupan ini naik ke Pantai Rhu Muda," katanya.

BERNAMA